

04/06/2003

Kritikan Malaysia pada IMF bertepatan

BERLAWANAN dengan saranan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF), langkah drastik Malaysia mengenakan kawalan tukaran asing secara berpilih pada 1 September 1998, mengundang pelbagai kritikan. Tidak cukup dengan itu, segala usaha kerajaan bagi memulihkan ekonomi negara dengan caranya sendiri terus dipersendakan. Namun, seawal November 1999, ekonomi Malaysia diumumkan sudah keluar sepenuhnya daripada kemelesetan ketika negara jiran termasuk Indonesia, Thailand dan Korea Selatan yang mengikut telunjuk IMF terus terkapai-kapai. Tindakan Malaysia menambat nilai ringgit pada RM3.80 bagi setiap AS\$1 terbukti amat berkesan meskipun jelas ada pihak-pihak yang tidak menyenangnya.

Dakwaannya langkah berkenaan hanya berkesan untuk tempoh singkat, turut meleset. Sambutan hangat pelabur utama seluruh dunia terhadap bon AS\$750 juta (RM2.85 bilion) kerajaan adalah bukti keyakinan terhadap daya tahan ekonomi Malaysia mengharungi tempoh krisis menerusi dasar cangguh dan berhemat daripada kedua-dua perspektif fiskal dan monetari. Berbanding keraguan awal pada 1998 dan 1999, agensi antarabangsa seperti Morgan Stanley, Salomon Smith Barney, Moody's Investor Service dan Standard & Poor's kemudian semuanya melahirkan keyakinan terhadap prospek manfaat yang akan dinikmati Malaysia hasil penyusunan semula ekonominya menerusi dasar pembangunan makro yang positif.

Bukanlah menghairankan apabila IMF kelmarin menyebut Malaysia sebagai antara tiga negara contoh selain Brazil dan Mexico yang sudah melakukan pelbagai perubahan struktur untuk memperbaiki kedudukan kewangan dan ekonominya. Seperti dikatakan Dr Mahathir, ia sekadar mengukuhkan hakikat bahawa Malaysia sudah melakukan sesuatu yang betul. Sebaliknya, apa yang belum terlaksana ialah mewujudkan struktur kewangan dunia yang lebih saksama dalam mengelakkan negara membangun atau miskin daripada menanggung akibatnya yang lebih besar. Hakikat bahawa IMF, Bank Dunia serta negara G-8 yang bersidang di Evian, Perancis mengakui struktur kewangan dunia mempunyai beberapa kelemahan dan perlu diperbaiki, memberi bayangan bahawa ikhtiar masih boleh dicari untuk mengatasinya.

Sama ada disukai atau tidak, kawalan terhadap urus niaga mata wang seperti yang sudah kerap dilaungkan Dr Mahathir, adalah satu keperluan. Tanpanya, ekonomi banyak negara, terutama negara Selatan, boleh dimufliskan. Bank Dunia dan IMF perlu akur dengan hakikat dasar ekonomi mereka perlu diubah sesuai dengan perkembangan semasa dan kehendak kebanyakan negara di dunia. Mereka tidak boleh memaksa orang lain

menerima

dasar yang sudah lapuk, tidak praktikal dan hanya mementingkan
pertubuhan

kewangan negara maju. Lebih-lebih lagi, mereka perlu jujur dan realistik
dalam usaha memberi bantuan kepada sesebuah negara.